

VARSITI

BERITA

bhvarsiti@bh.com.my

Sukan

Sebahagian daripada peserta yang menyertai Kejohanan Basikal Lasak Kolej Komuniti 2017.



Cungkil bakat acara basikal lasak

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

■ Arau

Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohamad Afiq Zamri dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama bagi kategori Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) pada Kejohanan Basikal Lasak Kolej Komuniti 2017.

Dengan kemenangan itu, Mohamad Afiq yang membuat catatan masa 1 jam 22 minit membawa pulang hadiah wang tunai RM300,

plak dan sijil penghargaan. Tempat kedua, menjadi milik Mohamad Syahkhrin Ibrahim dari Politeknik Shah Alam, Selangor

manakala Muhammad Anas Faizal Mohd Amair dari Politeknik Tuanku Syed Strajuddin, Arau, Perlis memenangi tempat ketiga dan masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM200 dan RM100, plak serta sijil penghargaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan. Yang turut hadir, Tim-

balan Pengurus Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM), Zaidi Shariff.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan pada kejohanan kali ini iaitu terbuka lelaki dan perempuan, kaktangan IPTA/IPTS, junior dan veteran. Program itu dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) dan Kolej Komuniti Hulu Selangor (KKHS).

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar, JPKK, Kementerian Pendidikan Tinggi, Wan Mohamad Nasir Wan Abdul Rahman,

berkata kejohanan itu dianjurkan bertujuan mencari bakat baharu dalam kalangan pelajar khususnya bagi menyertai Kejohanan Berbasikal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang akan diadakan tidak lama lagi.

Amalan gaya hidup sihat

Beliau berkata, penganjur program yang dulunya dikenali dengan nama KKHS Mountain Bike (MTB) Jamboree juga bertujuan menjadikan KKHS sebagai satu daripada penganjur sukan berbasikal yang dikenali dan disegani.

"Selain dapat memupuk

semangat kesukanan, program ini juga diharapkan dapat menggalakan amalan gaya hidup sihat dan cergas dalam kalangan warga kolej komuniti, masyarakat setempat dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

"Tengisian program ini juga membantu memperkenalkan KKHS dan JPKK kepada masyarakat setempat dan seluruh negara serta mempromosikan Hulu Selangor sebagai destinasi acara sukan berbasikal selain produk pelancongan alam semula jadi yang lain," katanya.

info

- 280 peserta menyertai Kejohanan Basikal Lasak Kolej Komuniti 2017
- **Terbuka Lelaki**
- Johan - Julian Sabree dari pasukan Exitway Mercury
- **Terbuka Perempuan**
- Johan - Nur Assyira Zainal Abidin dari Politeknik Shah Alam
- Pelajar IPTA/IPTS
- Mohamad Afiq Zamri dari UKM
- Kaktangan IPTA/IPTS
- Johan - Mohammad Lutfi Azwan Ismail dari Politeknik Shah Alam
- **Junior**
- Johan - Muhammad Amrui Afiq Fadli dari pasukan Exitway Mercury Veteran
- Johan - Fazlan Abdullah dari pasukan Ghost Factory